

PPPM (PT) lahir insan seimbang

Oleh FARHANA HANIM MOHD. MYDIN
farhana.mydin@kosmo.com.my

PELAKSANAAN Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) 2015-2025 diyakini mampu mendukung usaha pihak kerajaan untuk melahirkan lebih banyak sumber tenaga mahir dan profesional dalam pelbagai sektor.

Ia sekali gus meletakkan aspek insan seimbang sebagai nadi utama untuk memacu pertumbuhan ekonomi negara pada masa akan datang.

Bagi Penyanggah Kursi Kepimpinan Islam, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak, PPPM (PT) 2015-2025 mampu melahirkan graduan yang mempunyai nilai dalam falsafah pendidikan kebangsaan yang menekankan keberkesanan insan bagi mewujudkan bakat yang seimbang.

"Dalam soal nilai ini, ada satu bentuk berimbang iaitu untuk melahirkan insan seimbang

yang dikehendaki falsafah pendidikan kebangsaan yang boleh memakmurkan rakyat dan saksama dalam semua hal.

"Nilai seperti jasmani, emosi, rohani dan intelek penting kerana ia dipaksakan kepada falsafah pendidikan yang perlu ditekankan baik di peringkat rendah mahaupun tinggi supaya insan yang keluar dari institusi pengajian tinggi (IPT) mempunyai nilai yang seimbang," katanya ketika ditemui di USIM, Nilai baru-baru ini.

Dzulkifli yang juga Presiden Pertubuhan Universiti Antarabangsa (IAU) berkata, dalam konteks aspirasi pelan tersebut, satu kaedah pemahaman krisis perlu diperkukuh supaya graduan yang lahir dapat menanganinya melalui pembelajaran yang digerakkan itu.

"Pelajar harus mempunyai pemikiran untuk menangani

pelbagai bentuk krisis, bukan sahaja soal ekologi tetapi krisis-krisis semasa yang lain seperti keganasan, ekonomi, kewangan kerana apa juga yang disangkutkan itu hendaklah dilihat dalam konteks cabaran pada abad ke-21 ini," katanya.

Mengulas mengenai Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET) Berkualiti, beliau berkata, ia sebagai satu lonjakan yang penting untuk melahirkan graduan berkemahiran tinggi, sekali gus mampu menghapuskan tanggapan masyarakat bahawa bidang tersebut sebagai kelas kedua.

"Hari ini apa yang kita lihat TVET ibarat piramid terbalik (*inverted pyramid*), lebih banyak IPT berbanding sekolah, kolej mahupun politeknik berteraskan teknikal.

"Soalnya dari mana kader ini akan datang jika tiada lagi

orang bersekolah teknikal. Bagaimana mahu masuk universiti teknikal?"

"Setiap ibu bapa mahu anak mereka masuk universiti tetapi bukan semua menjadi realiti. Kita perlu beritahu mereka ada juga saluran pendidikan yang setaraf universiti yang boleh mereka masuk dan akhirnya ilmu itu sampai ke peringkat universiti," katanya.

Menurutnya, PPPM (PT) 2015-2025 yang turut menggariskan Inovasi Ekosistem sebagai Lonjakan 7 perlu dilihat dari aspek kebebasan kerana setiap inovasi yang dibuat perlu diberi ruang untuk berfikir.

"Ia penting kerana jika terdapat kekangan, ekosistem itu tidak akan wujud dan inovasi akan terbantut. Inovasi juga tidak hanya tertumpu kepada aspek teknikal sahaja tetapi bersangkut pada soal inovasi sosial.

"Sebagai contoh, saya mencipta sejenis ubat yang mampu meredakan penyakit jantung, ia tidak sampai ke sasaran jika

tiada inovasi sosial iaitu pihak hospital di mana di situlah inovasi teknikal dipakai dalam inovasi sosial dengan penggunanya adalah pesakit di hospital," katanya.

Beliau turut berpendapat bahawa setiap graduan di negara ini mampu melangkah lebih jauh sekiranya mengikut saluran yang betul.

"Kita tidak sepatutnya terkilan apabila dikatakan sebagai 'jaguh kampung' kerana kita tidak akan sampai ke peringkat global sebelum berjaya di peringkat global.

"Oleh itu, kejayaan di peringkat kampung, daerah, universiti dan kebangsaan perlu diberi pengiktirafan kerana ia merupakan batu loncatan untuk mereka naik ke peringkat global.

"Insan yang terdidik akan tahu tentang kesedaran ilmu dan sedar mendapat ijazah itu bukanlah bukti terdidik, sebaliknya apa yang dilakukan atau disumbangkan kepada negara," jelasnya.



DZULKIFLI